



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832539
Faks :603-88895245

KENYATAAN AKHBAR KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENGURUSAN KUTIPAN HASIL FI PERUBATAN DI HOSPITAL :

**KEMENTERIAN KESIHATAN RUGI RM30.47 JUTA EKORAN BAYARAN FI
YANG TIDAK DIKUTIP**

Berdasarkan kepada tunggakan fi perubatan bagi tahun 2012 hingga 2014, mendapati negeri yang mempunyai tunggakan bayaran perubatan hospital yang tinggi adalah di **Sabah, Selangor, Sarawak, Kuala Lumpur dan Johor yang menyumbang 75% tunggakan seluruh negara.** Tunggakan bayaran perubatan ini terdiri daripada warganegara dan warga asing. Bagi warganegara, sebahagian besar tunggakan melibatkan pesakit wad Kelas 3 yang tidak mampu membayar bil rawatan. Bagi warga asing pula, tunggakan bayaran perubatan hospital yang tidak dapat dikutip adalah disebabkan Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang datang mendapatkan rawatan di hospital KKM di mana PATI ini perlu diberi rawatan bagi kes-kes kecemasan untuk menyelamatkan nyawa mereka. Didapati warga asing telah menyumbang sebanyak 58% daripada tunggakan keseluruhan hasil fi perubatan tersebut.

Bagi pekerja asing yang dibenarkan bekerja di negara ini, tunggakan bayaran perubatan mereka amat kecil kerana Kerajaan telah memperkenalkan Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA) pada 1 Januari 2011 yang mewajibkan pekerja asing untuk

dilindungi insurans sebelum mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan. Pada masa ini seramai 1.8 juta telah berdaftar dalam SPIKPA.

Dalam memastikan tunggakan bayaran perubatan pesakit dikutip dengan sebaiknya, KKM telah melaksanakan pelbagai tindakan penambahbaikan, antaranya seperti berikut:

- (a) Pesakit warganegara yang tidak mampu membayar bil terutamanya pesakit wad kelas 3 akan dirujuk kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan bagi tujuan penilaian dan pengecualian selaras dengan Perkara 6(7), Perintah Fi (Perubatan) 1982. Pengecualian ini hanya dibenarkan kepada pesakit warganegara sahaja;
- (b) Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 bagi menjelaskan mengenai pelaksanaan fi baru bagi warga asing kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah KKM;
- (c) Garis Panduan Pengurusan Kutipan Hasil Pesakit Warga Asing Yang Tidak Membayar Deposit Semasa Mendapatkan Rawatan Di Hospital Kerajaan pada 4 Mac 2015 berhubung pengurusan kutipan hasil bagi warga asing yang tidak membayar deposit semasa mendapatkan rawatan di hospital;
- (d) Notis Tuntutan dikeluarkan kepada pesakit oleh Penasihat Undang-Undang KKM selepas Surat Peringatan kali ketiga dan diberi tempoh 14 hari untuk menyelesaikan pembayaran kepada hospital berkenaan;

- (e) PATI yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan dilapor segera untuk tindakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan seperti Jabatan Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia;
- (f) Tindakan hapuskira diambil oleh semua PTJ yang mempunyai tunggakan hasil yang melebihi enam (6) tahun dengan mengambilkira semua usaha kutipan telah dilaksanakan.

KKM telah menyumbangkan kutipan hasil sebanyak RM442 juta kepada hasil negara bagi tahun 2014 dan jumlah tunggakan hasil yang tidak dikutip hanyalah 6% daripada jumlah hasil yang dikutip. KKM juga akan menubuhkan satu pasukan petugas khas diperingkat Kementerian bagi mengenalpasti, meneliti dan mengemukakan syor-syor penambahbaikan bagi membolehkan pengurusan hasil di Kementerian ini diuruskan dengan cekap.

TAN SRI FARIDA MOHD ALI
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh: 17 JUN 2015